



NOTA SEJ F4

BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT**6.1 Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita**

- ideologi diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels
- Menulis dalam 2 buah buku bertajuk ,Communist Manifesto dan Das Kapital .
- suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara
- 2 negara yang terlibat penyebaran fahaman komunis, iaitu China dan Indonesia

Dari China

- melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang beribu pejabat di China.
- selain itu, pertubuhan Main School yang bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis (PKC)
- Perpecahan KMT dan PKC myebabkan The Communist International (Comintern) yang berpusat di Moscow mengarahkan penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN).

Dari Indonesia

- Kegagalan PKI menguasai Pulau Jawa, myebabkan pemimpin komunis Indonesia menyasarkan Tanah Melayu.
- usaha mereka tidak mendapat sambutan daripada orang Melal,u kerana komunis menggunakan kekerasan

Penubuhan Parti Komunis Malaya

- 30April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan
- Ideologi disebar melalui : kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina.
- 1941-45, bekerjasama dengan British dan membentuk MPAJA.
- Menerima bantuan senjata,latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan
- Selepas kekalahan Jepun, PKM dan MPAJA melakukan huru hara dan kekacauan
- Ketika pentadbiran BMA:
 - PKM menyusup dalam kesatuan sekerja, iaitu Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU)
 - Mei 1948, komunis berjaya menguasai 335 kesatuan sekerja
 - menyusup dalam PKMM, MDU dan PUTERA-AMCJA.

6.2 Ancaman Komunis di Negara Kita**a) Perisytiharan Darurat**

- PKM membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak
- Sir Edu,ard Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat
- pada I8 Jun I948, undang-undang ini dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu

b) Ancaman komunis di negara kita

- i) Lombong bijou timah dan ladang getah
 - bertujuan untuk melemahkan ekonomi British
- ii) Merosakkan Infrastruktur
 - kegiatan sabotaj terhadap kemudahan asas, terutama sistem pengangkutan dan perhubungan
- iii) Mengancam Keselamatan Rakyat
 - mengugut, mensabotaj, menyerang, melakukan kekejaman. menganiaya, menculik, merampas, membakar harta benda dan membunuh penduduk yang enggan bekerjasama.
- iv) Mengancam pasukan keselamatan
 - menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis.

6.3 Usaha menangani ancaman komunis**a) Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat**

- Menahan sesiapa sahaja yang disyaki
- Mengenakan hukuman berat
- Mengetatkan undang-undang senjata api
- Mengeledah rumah kediaman,memagar kampung, mengadakan perintah berkurung, mewujudkan Kampung Baru
- Mengharamkan PKM dan parti politik berfahaman radikal
- Menangkap pemimpin gerakan radikal

b) Pemerkasaan Pasukan Keselamatan

- .POLIS
 - Cawangau Khas
 - Special Constables (SC)
 - Polis Hutan
 - Polis Wanita
 - Senoi Praaq (Urang Perang)



c) Pendaftaran Kebangsaan dan Kad Pengenalan

- kerajaan memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan pada 23 Julai 1948 bagi mengawal pergerakan penduduk.
- setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki mendaftarkan diri.

d) Rancangan Briggs

- Pengenalan Kampung Baru
 - Kampung Baru dilengkapi dengan kemudahan tempat tinggal, bekalan elektrik, air paip, sekolah dan kemudahan kesihatan.
 - dipagari dengan kawat berduri dan dikawal oleh Special Constables
 - 423 ribu orang penduduk di pinggir hutan dipindahkan ke 410 buah Kampung baru.

e) Tawaran Pengampunan

- Pada 6 September 1949, Sir Henry Gurney mengisytiharkan pengampunan kepada komunis supaya menyerah diri
- Radio Malaya menyiarkan syarat tawaran pengampunan
- 40 juta risalah dan 12 juta pas pengampunan diedarkan

f) Kempen Bulan Rakyat Melawan penjahat

- Pada 22 Disember 1949, Majlis Perundangan Persekutuan mengisytiharkan kempen "Bulan Rakyat Melawan Penjahat".
- Mac 1950, jumlah sukarelawan telah mencecah ke angka 435 905 orang

g) Perintah Berkurung

- Perintah berkurung ialah tindakan melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu
- perintah berkurung dikenakan terhadap penduduk yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk membanteras ancaman komunis

h) Perang Saraf

i) Mengadakan Lawatan

- Templer melakukan sebanyak 122 lawatan ke sekolah, kampung, hospital, dispensari, bilik operasi, pondok polis, unit pasukan keselamatan, buruh, lombong, estet dan bersedia menerima perwakilan

ii) Melonggarkan Syarat Kewarganegaraan

- 14 September 1952, seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi Warganegara

iii) Mengadakan Pilihan raya Mailis Perbandaran Kuala Lumpur

- pilihan raya tempatan pertama bertujuan menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik

iv) Menawarkan Hadiah Wang Tunai

- sesiapa yang berjaya menangkap Chin Peng, pemimpin PKM sama ada hidup atau mati akan diberikan hadiah sebanyak \$250 ribu

v) Memenangi Kepercayaan Orang Asli

- Templer mendirikan 14 kubu untuk mendapatkan sokongan Orang Asli

vi) Memaiukan perkhidmatan penerangan

- Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya dijaclikan medium untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat agar menyokong kerajaan membanteras komunis

vii) Memperkenalkan Kauusan Hitam dan Kawasan Putih

- Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung.
- Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis

i) Rundingan Baling



- Tunku Abdul Rahman mengadakan pertemuan dengan pemi
- pada 28 Disember 1955
- rundingan ini telah menemui kegagalan.

6.4 Kesan Zaman Darurat terhadap Negara Kita

a) Aspek Politik

- Peningkatan jumlah warganegara
- Penubuhan MCA
- Mempercepatkan kemerdekaan

b) Aspek SosioEkonomi

- Meningkatkan Kos Perbelanjaan
- Menyebabkan Penderitaan dan Kesengsaraan kepada Rakyat
- Merenggangkan Hubungan Kaum
- Peningkatan Korban Zaman Darurat



NOTES :

